

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING**  
**KAWASAN : SERDANG**  
**TARIKH : 8 NOVEMBER 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DR. ONG KIAN MING** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa permohonan daripada JKR Selangor untuk menaiktarafkan jalan di persimpangan Seri Kembangan dan Lebuhraya Besraya telah ditolak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian ini dimaklumkan bahawa terdapat perancangan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini untuk melaksanakan cadangan projek naik taraf Jalan Besar Seri Kembangan, Selangor. Ini berdasarkan komitmen oleh YAB Menteri Besar Selangor pada tahun 2011 dan 2012 di mana Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan sendiri projek tersebut secara berfasa. Fasa pertama projek tersebut dengan anggaran kos sebanyak RM36 juta telah diumumkan pada bulan September 2012. Walau bagaimanapun berikutan kos projek keseluruhan yang tinggi (melebihi RM400 juta), Kerajaan Negeri (melalui JKR Negeri Selangor) telah mengemukakan permohonan peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya tidak pernah menolak permohonan dari JKR Selangor untuk menaik taraf Jalan Besar Sri Kembangan, Selangor, sebaliknya permohonan itu telah dipanjangkan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan peruntukan, iaitu bermula dari RMKe-10 dan bersambung ke RMKe-11. Ini kerana kelulusan peruntukan tersebut terletak di bawah bidang kuasa Agensi Pusat berkenaan. Sehingga kini projek itu tidak termasuk dalam senarai kelulusan Rolling Plan ke-2, RMKe-11. Sehubungan itu kementerian ini akan mengemukakan semula permohonan baru dalam cadangan Rolling Plan RMKe-11 yang akan datang.

Sekian. Terima kasih.